Experts

Pembelajaran interaktif: Melangkah ke era pendidikan digital yang lebih dinamik

Thu, 01/16/2025 - 15:43

Dalam dunia pendidikan yang semakin berkembang, teknologi memainkan peranan yang tidak boleh dipandang enteng. Salah satu inovasi yang semakin menjadi perhatian pendidik adalah pembelajaran interaktif. Pendekatan ini bukan sekadar membuat pembelajaran menjadi lebih menarik, tetapi juga menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam setiap sesi pembelajaran. Pembelajaran interaktif kini dilihat sebagai satu kaedah yang boleh memberi impak besar terhadap cara pelajar menguasai ilmu, terutamanya dalam dunia yang penuh dengan alat teknologi canggih.

Apa Itu Pembelajaran Interaktif?
Pembelajaran interaktif merujuk kepada pendekatan pengajaran yang memberi penekanan kepada penglibatan pelajar secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran. Berbeza dengan pengajaran konvensional yang lebih berfokus kepada penerimaan maklumat daripada guru, pembelajaran interaktif membolehkan pelajar untuk berinteraksi, berbincang, dan meneroka pengetahuan dengan lebih mendalam. Melalui penggunaan alat digital seperti aplikasi pendidikan atau permainan interaktif, pelajar tidak hanya mendengar atau membaca, tetapi mereka turut terlibat dalam aktiviti yang memperkukuh pemahaman mereka.

Contoh Pembelajaran Interaktif dalam Kelas
Salah satu contoh menarik dalam pengajaran bahasa Inggeris adalah penggunaan aplikasi pembelajaran bahasa seperti Duolingo atau Quizlet. Aplikasi ini menawarkan pelbagai latihan yang bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga berkesan dalam membantu pelajar menguasai kosa kata dan tatabahasa. Dalam satu sesi pengajaran, guru boleh menggunakan aplikasi ini untuk cabaran berbentuk kuiz, pelajar bersaing untuk memperoleh mata atau penyelesaian masalah bahasa dalam masa nyata. Pengalaman seperti ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman pelajar, tetapi juga memotivasikan mereka untuk belajar lebih keras.

Selain itu, Moodle, adalah satu Learning Management System (LMS) yang banyak digunakan oleh institusi pendidikan tinggi di Malaysia turut menyediakan pelbagai alat untuk pembelajaran interaktif, seperti H5P dan Lesson. H5P membolehkan pendidik mencipta kandungan interaktif seperti kuiz, permainan memori, video interaktif, dan pelajaran bercabang yang boleh disesuaikan mengikut tahap pelajar. Manakala, Lesson dalam Moodle memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti laluan pembelajaran bercabang yang bergantung kepada jawapan mereka dalam kuiz atau soalan tertentu. Sebagai contoh, pelajar yang menjawab soalan dengan betul akan melangkah ke topik seterusnya, manakala bagi jawapan yang kurang tepat, akan diarahkan untuk mengulang bahagian yang belum dikuasai. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan pembelajaran lebih berstruktur, tetapi juga memberi pengalaman yang lebih peribadi dan interaktif kepada pelajar.

Mengapa Pembelajaran Interaktif Relevan?
Pembelajaran interaktif menjadi semakin relevan pada zaman serba digital ini. Dunia yang penuh dengan teknologi memerlukan sistem pendidikan yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan

ini. Kaedah interaktif menawarkan pelajar pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan berkesan. Ia bukan sahaja menarik minat pelajar untuk lebih terlibat, tetapi juga menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Pembelajaran tidak lagi terhad kepada buku teks atau kuliah satu hala, tetapi ia melibatkan penggunaan teknologi untuk mencipta peluang pembelajaran yang lebih luas dan fleksibel.

Selain itu, pembelajaran interaktif juga membantu pelajar untuk membina kemahiran berkomunikasi, kerjasama, dan penyelesaian masalah, yang kesemuanya adalah kemahiran penting dalam dunia profesional. Pelajar kini tidak hanya belajar dari segi teori, tetapi dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam situasi sebenar melalui aktiviti dan projek.

Dasar-dasar Negara yang Menyokong Pembelajaran Interaktif

Di Malaysia, kerajaan telah mengambil langkah penting untuk memastikan pendidikan negara selaras dengan perkembangan teknologi. Antaranya adalah inisiatif MyDIGITAL, yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan pemimpin serantau dalam ekonomi digital, sangat berkait rapat dengan pembelajaran interaktif. Dengan fokus kepada teknologi 4IR dan inovasi digital, MyDIGITAL menyokong penggunaan pelbagai platform pembelajaran untuk menghasilkan kandungan pembelajaran yang lebih interaktif dan dinamik. Usaha ini mendorong digitalisasi pendidikan, memperluas akses kepada teknologi, dan memastikan pembelajaran lebih inklusif serta relevan dengan keperluan masa depan.

Tidak ketinggalan, Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang memberi penekanan kepada penerapan teknologi dalam bilik darjah dan meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan guru. Antara strategi-strategi yang digariskan di dalam Teras 5 Dasar Pendidikan Digital (Kandungan Digital Berkualiti) adalah memperkasakan pembelajaran digital untuk meningkatkan pengalaman pengguna dan memperkasakan sumber pendidikan digital. Dasar-dasar ini adalah langkah yang perlu untuk membawa pendidikan negara ke arah yang lebih moden dan berdaya saing.

Impak Positif kepada Pelajar

Bukan sahaja menarik, pembelajaran interaktif memberi impak yang besar kepada pelajar. Salah satu kelebihannya adalah peningkatan penguasaan pelajar terhadap subjek yang dipelajari. Apabila pelajar diberi kebebasan untuk berinteraksi dan menyelesaikan masalah dalam bentuk permainan atau cabaran, mereka lebih cepat memahami konsep yang sukar. Selain itu, pembelajaran ini menggalakkan penglibatan pelajar dengan memberi mereka peluang untuk berbincang, berkongsi idea, dan mendapatkan maklum balas segera.

Pembelajaran interaktif juga memberi peluang kepada pelajar untuk memperkukuh kemahiran berfikir kritis. Mereka bukan sahaja bergantung kepada guru, tetapi turut menggunakan alat digital dan internet untuk mencari maklumat dan membuat keputusan. Dengan cara ini, pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

Cabaran Pembelajaran Interaktif

Namun, tidak dinafikan bahawa pembelajaran interaktif turut menghadapi beberapa cabaran. Salah satu cabaran utama adalah akses kepada teknologi. Walaupun banyak inisiatif yang diperkenalkan, masih terdapat jurang dalam akses teknologi antara kawasan bandar dan luar bandar. Di sesetengah kawasan, pelajar masih bergelut dengan kekurangan infrastruktur teknologi seperti akses Internet yang lemah dan kekurangan peralatan digital.

Selain itu, guru juga perlu bersedia dengan kemahiran digital yang mencukupi untuk menggunakan teknologi dalam kelas. Ini memerlukan latihan berterusan dan sokongan dari pihak pengurusan untuk

memastikan pembelajaran interaktif dapat dijalankan dengan berkesan.

Masa Depan Pembelajaran Interaktif
Dengan perkembangan pesat dalam bidang teknologi, masa depan pembelajaran interaktif amat cerah. Penggunaan teknologi canggih seperti Kecerdasan Buatan (AI), Realiti Maya (VR), dan Realiti Tertambah (AR) dijangka akan membawa pembelajaran ke tahap yang lebih mendalam dan menyeluruh. Pelajar akan dapat belajar melalui pengalaman langsung yang lebih menarik dan berkesan, menjadikan pembelajaran lebih hidup dan mudah difahami.

Teknologi ini juga berpotensi untuk menjadikan pembelajaran lebih personalisasi iaitu setiap pelajar dapat belajar mengikut rentak dan gaya pembelajaran mereka sendiri. Ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada pelajar untuk berjaya tanpa terikat oleh kaedah pembelajaran tradisional.

Pembelajaran interaktif bukan hanya satu trend, tetapi merupakan perubahan besar dalam dunia pendidikan yang perlu diterima oleh semua pihak. Sebagai pendidik, kita perlu berani untuk mencuba dan memanfaatkan teknologi dalam kelas bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang terbaik. Walaupun terdapat cabaran, ia tidak seharusnya menjadi halangan. Sebaliknya, ia adalah peluang untuk kita semua bergerak ke arah pendidikan yang lebih inovatif, inklusif, dan relevan dengan kehendak zaman.

Akhir kata, kepada para pendidik, teruskan berinovasi dan jangan takut untuk melangkah ke hadapan. Dunia pendidikan sedang berubah, dan kita adalah sebahagian daripada perubahan itu. Pendidikan yang lebih baik dan lebih interaktif adalah masa depan kita.

Rujukan:
Economic Planning Unit. (n.d.). MyDIGITAL: Malaysia digital economy blueprint. Retrieved January 16, 2025, from https://www.mydigital.gov.my/
Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). Dasar pendidikan digital. Retrieved January 16, 2025, from https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Dasar%20Pendidikan%20Digital/Dasar%20Pendidikan%20Digital.pdf



Oleh: DR. UMI KALSOM MASROM
E-mel: umikalsom@umpsa.edu.my

Penulis ialah Pensyarah Kanan/Ketua Program (Bahasa Inggeris), Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 5254 views

View PDF